

**RENTETAN PEPERANGAN DALAM KITAB *AL-BIDAYAH WA AL-NIHAYAH*
KARYA IBN KATHIR AL-DIMASHQI
(The Chain of Wars According to *al-Bidayah wa al-Nihayah* by Ibn Kathir al-Dimashqi)**

Oleh:

Ezad Azraai Jamsari*

Salmy Edawati Yaacob**

Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari***

Abstrak

Artikel ini membincangkan rentetan peperangan yang berlaku dalam sejarah ketenteraan Islam berdasarkan laporan sejarawan Islam terulung pada abad ke-8H/14M, Ibn Kathir al-Dimashqi (700-774H/1301-1373M) menerusi karya agungnya, al-Bidayah wa al-Nihayah. Penulisan ini memberi penekanan terhadap catatan yang dikemukakan oleh Ibn Kathir mengenai siri peperangan yang berlaku pada zaman Rasulullah (s.a.w.), Khulafa' al-Rashidin, Umawi, 'Abbasi, Ayyubi dan Mamluki. Objektif kajian ini adalah untuk memaparkan biografi dan ketokohan Ibn Kathir sebagai sejarawan Islam agung era Mamluki, di samping bertujuan untuk memperlihatkan siri peperangan yang berlaku berdasarkan catatan dalam karya agung beliau tersebut. Keseluruhan artikel ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kajian sejarah dan analisis kandungan dengan mencerakinkan data sejarah ketenteraan Islam dalam karya Ibn Kathir tersebut. Kajian ini menghujahkan bahawa Ibn Kathir merupakan tokoh ilmuwan dan sejarawan Islam terulung pada zaman Mamluki dan kitab al-Bidayah wa al-Nihayah merupakan sumbangan terbesar beliau dalam disiplin sejarah dan tamadun Islam, khususnya bidang sejarah ketenteraan Islam.

Kata kunci: *peperangan, Ibn Kathir, al-Bidayah wa al-Nihayah, kerajaan Mamluk, sejarah ketenteraan.*

Abstract

This article examines the chain of wars which occurred in the Islamic military history based on reports by the most authoritative historian in the 8th H./14th C.E. century, Ibn Kathir al-Dimashqi (700-774H./1301-1373C.E.) in his masterpiece al-Bidayah wa al-Nihayah (The Beginning and The End). This study gave emphasis on the written entry by Ibn Kathir on the series of wars which occurred in the eras of Rasulullah (p.b.u.h.), the Rightly-guided Caliphates, the Umayyads, the 'Abbasids, the Ayyubids and the Mamluks. The objectives of this study are to showcase the biography and stature of Ibn Kathir as the grand Islamic historian in the Mamluk era and to highlight the chain of war events according to his masterpiece. In this work, a qualitative method was employed via historical study and content analysis by researching the Islamic military historical data available in the work of Ibn Kathir. This study argues that Ibn Kathir was the most prominent scholar and most authoritative historian during the times of the Mamluks; and his book al-Bidayah wa al-Nihayah was his greatest contribution to the discipline of Islamic history and civilisation; in particular the field of Islamic military history.

Keywords: *war, Ibn Kathir, al-Bidayah wa al-Nihayah, Mamluk kingdom, history of military*

*Ezad Azraai Jamsari, Sm.P.I. (Kep), S.P.I. (UK Malaysia) ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan. E-mel: ezad@ukm.my, eajsti@gmail.com

**Salmy Edawati Yaacob, Sm.Sy. (Kep), S.Sy. (Malaya), Dok. Fal. (UK Malaysia) ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan. E-mel: salmy1001@ukm.my, salmy1001@yahoo.com

***Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, Sm.P.I. (Kep), S.P.I. (UK Malaysia) ialah Calon Doktor Falsafah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur. E-mel: chotadonukm@gmail.com

Pengenalan

Nama Ibn Kathir amat istimewa apabila dikaitkan dengan sumbangan beliau terhadap perkembangan ilmu dan penulisan karya-karya bermutu. Ini kerana terdapat banyak hasil tulisan dan kitab karangan beliau yang menjadi panduan masyarakat Islam dari dahulu hingga masa kini. Ibn Kathir ialah tokoh ilmuwan Islam yang menulis tentang pelbagai disiplin ilmu seperti tafsir, hadith, sejarah dan fiqh. Ketokohnya dalam menguasai pelbagai ilmu ini dapat dilihat berdasarkan karya-karya karangan beliau. Ibn Kathir yang dibesarkan di Dimashq, menerima didikan daripada pelbagai tokoh ilmuwan Islam dan antaranya ialah *Shaykh al-Islam* Ibn Taymiyyah. Pendidikan yang diterimanya menjadikan beliau seorang yang amat mencintai ilmu dan dapat menguasai lebih daripada satu disiplin.¹ Sebagai seorang ulama terkenal, beliau bukan sahaja berjaya menghasilkan pelbagai karya bermutu, malah memberi khidmat kepada masyarakat Islam menerusi penglibatannya sebagai tenaga pengajar seperti yang dilakukannya di Masjid Umawi. Penglibatan dan pengabdian Ibn Kathir dalam bidang ilmu pengetahuan ini cukup bererti dan sumbangannya, terutama karya-karya beliau, yang dianggap sebagai warisan Islam yang tidak boleh ditukar ganti. Kajian ini meneliti aspek sejarah ketenteraan Islam yang terdapat dalam karya agung Ibn Kathir, iaitu *al-Bidayah wa al-Nihayah*, dengan memfokuskan perbincangan mengenai siri peperangan yang berlaku dari zaman Rasulullah (s.a.w.), era Khulafa', Umawi, 'Abbasi, Ayyubi dan juga Mamluki.

Biografi Ringkas Ibn Kathir

Nama lengkap Ibn Kathir ialah al-Shaykh al-Imam al-Hafiz al-Mu'arrikh 'Imad al-Din Abu al-Fida' Isma'il b. 'Umar b. Kathir b. Daw' b. Kathir b. Dhara' al-Qurayshi al-Dimashqi.² Menurut Ibn Hajar al-'Asqalani,³ nama sebenar Ibn Kathir ialah Isma'il b. 'Umar b. Kathir b. Daw' b. Kathir, manakala menurut al-Zirkili,⁴ nama Ibn Kathir sebenar ialah Isma'il b. 'Umar b. Kathir b. Daw' b. Dhara' al-Qurayshi al-Basri. Walau bagaimanapun, pendapat yang pertama lebih tepat kerana nama sebenar Ibn Kathir dinukilkan sendiri dari mukadimah kitabnya, *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beliau dilahirkan pada tahun 701H/1301M di daerah Mijdal, sebuah daerah di wilayah Basrah, Sham dan dibesarkan di Dimashq setelah kematian bapanya.

Bapanya bernama Khatib Shihab al-Din Abu Hafs 'Umar b. Kathir b. Daw' b. Dhara' al-Qurayshi dan berasal daripada Banu Haslah. Beliau dilahirkan pada penghujung tahun 640H dan merupakan anak jati wilayah Basrah serta bermazhab Shafie. Beliau ialah antara ilmuwan fiqh dan pemedato tersohor. Beliau menuntut ilmu daripada bapa saudaranya dari Banu 'Uqbah, membaca kitab mazhab Hanafi, iaitu *al-Bidayah*, menghafaz kitab *Jamal al-Zujaji*, mengambil berat tentang ilmu nahu dan bahasa Arab serta menghafaz syair-syair Arab sehingga dapat menukilkan syair yang bermutu tinggi dalam bentuk pujian, ratapan dan cercaan. Beliau mengajar di sekolah-sekolah di Basrah dan kemudiannya menjadi *khatib* di sebuah kampung yang terletak di timur Basrah. Beliau menetap di situ selama 12 tahun dan selepas itu, beliau berpindah ke tempat pengajian di Mijdal, iaitu kampung ibu Ibn Kathir. Beliau menetap di sini buat beberapa tempoh dan menjadi seorang *khatib* yang bagus. Selain itu, beliau juga banyak mempelajari hadith daripada al-Nawawi dan al-Shaykh Taqi al-Din al-Fazari. Abu Hafs meninggal dunia pada tahun 703H ketika umur Ibn Kathir menjangkau tiga tahun.⁵ Ibunya pula

¹ Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari (2008), *al-Bidayah wa al-Nihayah* Karya Ibn Kathir al-Dimashqi (700-774H/1301-1373M): Satu Kajian Biografi dan Anotasi. Projek Ilmiah. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 1-2.

² Ibn Kathir (1997), *al-Bidayah wa al-Nihayah*, Jil. 1, Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, h. 7; Ibn Kathir (1968), *Qisas al-Anbiya'*, jil. 1, tahqiq, Mustafa 'Abd al-Wahid, Bayrut: Dar al-Kutub al-Hadithah, h. 5; Abu al-Muhasin al-Husayni (t.th.), *Dhayl Tadhkirat al-Huffaz li al-Dhahabi*, Bayrut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi; Ibn al-'Imad (1998), *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab*, jil. 6, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

³ Ibn Hajar al-'Asqalani (1997), *al-Durar al-Kaminah*, jil. 1, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 218.

⁴ Khayr al-Din al-Zirikli (1999), *al-'Alam: Qamus Tarajim*, jil. 1, Bayrut: Dar al-'Ilm li al-Malayin, h. 320.

⁵ Ibn Kathir (1997), *al-Bidayah wa al-Nihayah*, jil. 1, Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, h. 8; *Ensiklopedia Islam* (1994), Jil. 2, Jakarta: Penerbit PT Ikhtiar Baru Van Hoeve; *Ensiklopedia Tematis Dunia Islam: Pemikiran dan Peradaban*

bernama Maryam bt. Sharaj b. ‘Ali yang berasal dari Mijdal dan meninggal dunia pada tahun 728H. Beliau dikebumikan di Dimashq.⁶

Pada tahun 706H/1306M, Ibn Kathir telah berpindah ke Dimashq bersama kakaknya dan tinggal bersama saudaranya (abangnya), Shaykh ‘Abd al-Wahhab yang juga merupakan guru Ibn Kathir ketika di peringkat kanak-kanak. Ibn Kathir hidup pada kurun ke-8H semasa pemerintahan Kerajaan al-Mamalik. Zaman tersebut menyaksikan pelbagai pergolakan dan bencana seperti peperangan antara kuasa Islam tersebut dengan tentera musuh seperti tentera Mongol dan angkatan Salib, perebutan kuasa di kalangan pemerintah, wabak penyakit, kemarau dan kebuluran. Perkembangan ilmu berkembang pesat pada ketika itu di mana banyak madrasah ditubuhkan dan banyak harta diberikan kepada para ulama dan institusi-institusi perkembangan ilmu. Bagaimanapun, perkembangan dan kepesatan ilmiah ketika ini berada dalam ruang lingkup ilmu-ilmu *shar‘iyyah* dengan penghasilan buku-buku hanyalah berbentuk ringkasan, syarahan, penambahan maklumat dan kritikan terhadap kitab-kitab yang telah dihasilkan sebelum itu.⁷ Suasana persekitaran ini telah membentuk dan mempengaruhi peribadi Ibn Kathir menjadi seorang tokoh ilmuwan yang dikenali ramai. Pendidikan yang diterima daripada pelbagai tokoh ulama telah menjadikan Ibn Kathir seorang yang berpengetahuan luas dan banyak menguasai pelbagai disiplin ilmu.

Ibn Kathir mempunyai ramai adik-beradik, iaitu Isma‘il (abang beliau) merupakan anak sulung, diikuti Yunus, Idris, ‘Abd al-Wahhab, ‘Abd al-‘Aziz, Muhammad dan sebahagian saudara perempuan. Ibn Kathir merupakan anak yang bongsu dalam keluarganya. Ibn Kathir dinamakan Isma‘il sama seperti nama saudara lelakinya yang sulung disebabkan saudaranya itu telah meninggal dunia. Isma‘il, abang Ibn Kathir ini ialah seorang yang rajin dan bersungguh-sungguh dalam bidang keilmuan. Misalnya, beliau pernah belajar menghafaz al-Qur‘an daripada bapanya, mempelajari nahu, menghafaz kitab *al-Tanbih* dan *sharh*nya daripada al-Shaykh Taj al-Din al-Fazari dan menghasilkan kitab *al-Muntakhab fi Usul al-Fiqh*. Setelah itu, Isma‘il terjatuh dari bumbung Sekolah al-Shamiyyah al-Baraniyyah, rebah beberapa hari dan meninggal dunia. Ayahnya sangat dukacita dan meratapi kematian Isma‘il dengan mengungkapkan kesedihannya dalam beberapa bait syair. Kemudian, lahirlah Ibn Kathir dan dinamakannya Isma‘il sama seperti saudaranya yang sulung.⁸

Ibn Kathir mendirikan rumah tangga dengan Zaynab, anak gurunya yang bernama al-Mizzi dan dikurniakan beberapa orang anak. Walaupun anak-anak Ibn Kathir menguasai pelbagai ilmu seperti fiqh dan hadith tetapi mereka tidaklah menjadi masyhur seperti bapanya itu. Antara anak beliau ialah ‘Umar (m.783H) merupakan anak yang sulung, ‘Abd al-Rahman (m.792H), Muhammad (m.803H), Ahmad (m.801H) dan ‘Abd al-Wahhab (m.840H).⁹ Ibn Kathir meninggal dunia pada hari Khamis 27 Sha‘ban 774H (1373M), sebaik sahaja beliau selesai menyusun *Kitab al-Ijtihad fi Talab al-Jihad*. Jenazah beliau diusung oleh penduduk Dimashq dan dimakamkan bersebelahan dengan makam gurunya, Shaykh al-Islam Taqi al-Din ibn Taymiyyah. Secara tepatnya, makam beliau terletak di kawasan perkuburan ahli sufi, di luar Bab al-Nasr, Dimashq.¹⁰

(2003), Jakarta: Ikhtiar Baru Van Hoeve; Husain Ahmad Amin (1997), *100 Tokoh Dalam Sejarah Islam*, terj. Bakhrudin Fannani, Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn. Bhd.

⁶ Yasir Ismail Radi (1999), *Manhaj al-Imam Ibn Kathir fi Tafsir Ayat al-Ahkam*, Disertasi Sarjana, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, h. 16; *Ensiklopedia Dunia* (2005), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; *Ensiklopedia Islam* (2005), jil. 3, Jakarta: Perpustakaan Nasional Republik Indonesia.

⁷ Wan Kamal Mujani (2001), “Sejarawan Islam dari Abad ke-4 Hijrah hingga Abad ke-8 Hijrah,” dlm. Ismail Bakar, Wan Kamal Mujani & Anwar Zainal Abidin (pnyt.), *Pensejarahan Islam*, Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 172.

⁸ Ibn Kathir (1997), *op. cit.*, h. 8.

⁹ Yasir Ismail Radi (1999), *op. cit.*, h. 17.

¹⁰ *Ensiklopedia Islam* (2003), jil. 2, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h. 116; Ibn Kathir (1988), *Qisas al-Anbiya*, jil. 1, tahqiq, Muhammad Ahmad ‘Abd al-Aziz, Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 6; ‘Umar Rida Kahhalah (1957), *Mu‘jam al-Mu‘allifin*, jil. 1, Bayrut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi; ‘Umar Rida Kahhalah (1985), *al-Mustadrak ‘Ala Mu‘jam al-Mu‘allifin*, jil. 1, Bayrut: Mu‘assasat al-Risalah.

Pendidikan

Ibn Kathir terkenal sebagai tokoh ilmuwan yang berpengetahuan luas. Gurunya begitu banyak dan mempunyai kepakarannya tersendiri. Ibn Kathir menerima pendidikan awal dengan didikan dan bimbingan saudaranya, Shaykh ‘Abd al-Wahhab. Beliau juga telah menghafaz al-Qur’an dan berjaya menyelesaikan hafazannya pada tahun 711H/1311M ketika umurnya menjangkau 10 tahun.

Setelah itu, Ibn Kathir melanjutkan pelajarannya dengan menuntut ilmu di bawah bimbingan para ulama terkemuka pada zamannya. Beliau mendalami ilmu fiqh daripada Shaykh Burhan al-Din Ibrahim b. ‘Abd al-Rahman al-Fazari dan Shaykh Kamal al-Din b. Qadi Shuhbah. Beliau juga mendalami ilmu hadith daripada Shaykh al-Hafiz Abu al-Hajjaj Jamal al-Din al-Mizzi, pengarang kitab *Tahdhib al-Kamal*.¹¹ Malah, Ibn Kathir telah dinikahkan dengan anak gadis ulama tersebut. Selain itu, beliau juga belajar dan menghafaz *Kitab al-Tanbih* karya Shaykh al-Shirazi bagi cabang mazhab Shafie dan *Mukhtasar Ibn Hajib* dalam bidang usul fiqh ketika umurnya 18 tahun. Beliau juga menuntut ilmu daripada Shaykh al-Hafiz al-Mu’arrikh al-Dhahabi Shams al-Din Muhammad b. Ahmad (m.748H). Beliau mendalami pelbagai ilmu daripada beberapa orang guru yang mencakupi bidang ilmu sejarah, hadith, tafsir, fiqh dan matematik. Manakala guru yang kerap didampinginya ialah Shaykh al-Islam Taqi al-Din ibn Taymiyyah. Keadaan ini telah menjadikan Ibn Kathir seorang yang mahir terutama dalam mengenal pasti matan hadith, sanad serta metodologi hadith, sama ada dari sudut kesahihan, kecacatan, perawian dan sejarah hadith. Gurunya yang banyak mencetuskan kontroversi ialah Ibn Taymiyyah kerana fatwanya mengenai masalah talak dengan menggunakan pendapatnya sendiri. Ibn Kathir juga mengikut dan mempertahankan fatwa Ibn Taymiyyah tersebut. Justeru, mereka berdua difitnah dan diuji dengan pelbagai ujian disebabkan permasalahan fatwa tersebut. Berikut ialah antara tokoh ulama yang menjadi guru kepada Ibn Kathir:¹²

1. Shaykh Burhan al-Din Ibrahim b. ‘Abd al-Rahman al-Fazari (m.729H).
2. Shaykh ‘Isa b. al-Mat‘am.
3. Shaykh Ahmad b. Abi Talib al-Shahiri (m.730H).
4. Ibn Hijaz (m.730H).
5. al-Qasim b. Muzaffar b. ‘Asakir (m.723H).
6. Ibn al-Shirazi.
7. Ishaq b. Yahya al-Amidi (m.725H).
8. Shaykh Muhammad b. Zirad.
9. Shaykh Jamal al-Din Yusuf b. ‘Abd al-Rahman al-Mizzi (m.742H).
10. Shaykh Taqi al-Din Ahmad b. ‘Abd al-Halim b. ‘Abd al-Salam b. Taymiyyah (m.728H).
11. Shaykh al-Hafiz Shams al-Din Muhammad b. Ahmad b. ‘Uthman al-Dhahabi (m.748H).
12. Abu Musa al-Qarafi.
13. Abu al-Fath al-Dabusi.
14. Shaykh ‘Ali b. ‘Umar al-Sawani.
15. Sahib ‘Izz al-Din Abu Ya‘la.
16. Hamzah b. Ma‘ali.
17. As‘ad b. ‘Izz al-Din.
18. Abu Ghalih al-Muzaffar b. al-Wazir.
19. Ibrahim b. ‘Abd al-Rahman al-Ghazari.
20. Najm al-Din b. al-‘Asqalani.
21. Shihab al-Din al-Hijar.
22. Shaykh Kamal al-Din b. Qadi Shuhbah.
23. Najm al-Din Musa b. ‘Ali b. Muhammad.

¹¹ Ibn Kathir (1997), *op. cit.*, h. 9

¹² Safi al-Rahman al-Mubarakfuri (2000), *al-Misbah al-Munir fi Tahdhib Tafsir Ibn Kathir*, Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi‘, h. 8; Yahya Murad (2003), *Mu‘jam Tarajim A‘lam al-Fuqaha’*, Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Keilmuan dan Ketokohan

Ibn Kathir merupakan seorang ilmuwan yang berpengetahuan luas dalam bidang fiqh, tafsir, hadith, sejarah dan matematik. Beliau merupakan seorang yang mencintai ilmu, gemar mengumpul hasil kajian agama dan banyak meriwayatkan hadith. Beliau mengetahui banyak hadith Rasulullah (s.a.w.), fatwa para Sahabat (r.a.) dan *tabi'in* selain mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang sejarah. Ketokohan beliau mula dikenali ramai setelah terlibat dalam jawatankuasa penelitian untuk menetapkan hukum terhadap seorang *zindiq* yang didakwa menganut fahaman *hulul*. Jawatankuasa penelitian ini diusahakan atas inisiatif Gabenor Sham ketika itu, Altunbugha al-Nasiri (m.1341M).¹³

Disebabkan ketokohan dan keilmuannya yang tinggi, Ibn Kathir telah dilantik dan dijemput untuk memegang beberapa jawatan penting dalam bidang keilmuan. Pada bulan Muharram 746H (1345M), beliau telah dilantik sebagai *khatib* masjid di Mizza oleh Amir Baha' al-Din al-Marjani (m.1358M). Pada bulan Zulka'edah 748H (1348M), Ibn Kathir telah menggantikan gurunya, al-Dhahabi (1284-1348M) sebagai guru hadith di Turba Umm Salih. Pada tahun 756H (1355M), Ibn Kathir telah dilantik sebagai ketua atau pengarah Dar al-Hadith al-Ashrafiyyah (Lembaga Pendidikan Hadith) setelah kewafatan Qadi Taqi al-Din al-Subki (1284-1355M). Pada 759H (1358M), Gabenor Dimashq bernama Amir Manjak telah menjemput Ibn Kathir dan beberapa ulama lain melibatkan diri dalam pentadbiran untuk mencari strategi berkesan bagi memerangi gejala rasuah dan korupsi.¹⁴

Pada tahun 762H (1361M), ketika berada di bawah era Amir Baydamur, Ibn Kathir bersama ketua ulama di Dimashq telah dijemput untuk memberi nasihat dan fatwa tentang polisi dalam usaha kompromi dan perdamaian. Pada tahun 766H (1365M) pula, Ibn Kathir telah diberi penghormatan untuk mengatur dan menyusun sebahagian penerangan (atau *sharh*) kepada *Sahih al-Bukhari*. Pada bulan Shawal 767H (1366M), Ibn Kathir menjadi guru dalam bidang tafsir dan dilantik sebagai *mudir* di Masjid Umawi oleh Gabenor Mankali Bugha. Pada tahun 770H (1368-9M), Amir Mandjak telah mengatur semula struktur pertahanan di pantai Lubnan-Syria yang sering kali diancam oleh angkatan Frank of Cyprus. Pada tahun yang sama, Ibn Kathir telah menulis sebuah karya yang membincangkan tentang jihad, iaitu *Risalat al-Ijtihad fi Talab al-Jihad*.¹⁵

Ketokohan Ibn Kathir dalam bidang ilmu pengetahuan semakin terserlah setelah beliau banyak menghasilkan beberapa karya yang memberi banyak manfaat kepada umat. Antara karya tulisan beliau ialah seperti *Kitab al-Ahkam 'ala Abwab al-Tanbih, al-Bidayah wa al-Nihayah* (kitab sejarah), *al-Tafsir al-Qur'an al-'Azim, Kitab Jami' al-Masanid wa al-Sunan, Kitab fi Jami' al-Masanid al-'Asharah, al-Takmil fi Ma'rifat al-Thiqat wa al-Du'afa' wa al-Majahil, Tabaqat al-Shafi'iyah, Manaqib al-Imam al-Shafi'i, Mukhtasar Ibn al-Hajib* dan *al-Sirah al-Nabawiyyah*.¹⁶ Ibn Kathir juga mempunyai pandangan yang jelas dalam masalah politik. Beliau melarang para ulama mengeluarkan fatwa terutama berkenaan masalah *zann* dan berhujah dengan *qadi* atau pemerintah, kerana hal ini mungkin akan diseleweng dan disalahgunakan oleh mereka yang mempunyai kepentingan. Beliau jarang sekali diserang penyakit lupa, seorang yang *faqih*, berfikiran tajam, beridea bernas dan menguasai bahasa Arab dengan baik.

Terdapat beberapa pandangan tokoh cendekiawan Islam terhadap peribadi, ketokohan dan keilmuan Ibn Kathir, antaranya :

¹³ Henri Laoust (1979), "Ibn Kathir," dlm. *The Encyclopaedia of Islam*, jil. 3, h. 817; Henri Laoust (1955), "Ibn Kathir Historien," *Arabica*, jil. 2, h. 42-88.

¹⁴ Henri Laoust (1979), "Ibn Kathir," dlm. *The Encyclopaedia of Islam*, jil. 3, h. 818.

¹⁵ *Ibid.*, h. 818.

¹⁶ Mohd. Zawawi Abdullah (1998), "Pendekatan Ibn Kathir dalam Mentafsirkan al-Qur'an," dlm. Jawiah Dakir (pnyt.), *Kewibawaan al-Tafsir dan al-Hadith*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 28; Muhammad Said Nursi (2007), *Tokoh-tokoh Besar Islam Sepanjang Sejarah*, terj. Khoirul Amru Haralop, Jakarta: Pustaka al-Kautsar.

1. Shaykh al-Islam al-Taqi al-Din ibn Taymiyyah, “Beliau seorang ahli fiqh yang petah bercakap, ahli hadith yang dipercayai dan ahli tafsir yang teliti”.
2. al-Hafiz Shihab al-Din ibn Hajj, “Beliau seorang penghafaz hadith, berpengetahuan dengan mendalam tentang bagaimana tatacara pengeluaran hadith, perawian, kesahihan dan kecacatannya. Sebahagian besar rakan taulan dan guru-gurunya mengiktiraf keilmuan beliau. Beliau juga mahir dalam ilmu fiqh dan tarikh, tidak pelupa, mudah faham, berfikiran tajam, menghafaz kitab *al-Tanbih* sehingga beliau menemui ajal, menguasai bahasa Arab dan syair dengan baik. Banyak ilmu yang bermanfaat dapat diperoleh daripada beliau”.
3. Imam al-Dhahabi memberi pendapat tentang Ibn Kathir dalam kitabnya *al-Mu‘jam*, “Beliau ialah seorang imam, mufti, pakar hadith, ahli fiqh, ahli hadith yang cermat dan *mufasssir* yang kritis dan tulisannya berfaedah”.¹⁷
4. Pendapat Ibn Hajar al-Asqalani dalam kitab *al-Durar al-Kaminah*, “Beliau belajar daripada Ibn al-Shahnah, Ibn al-Zarrad, Ishaq al-Amidi, Ibn ‘Asakir, al-Mizzi dan Ibn al-Rida. Beliau mendapat ijazah daripada ulama Mesir seperti al-Dabusi, al-Wani dan al-Khatani. Beliau juga tekun dalam mengkaji hadith dengan mengkaji matan dan tokoh-tokohnya, di samping menghimpunkan tafsir. Beliau juga menulis sebuah kitab besar dalam bidang hukum tetapi tidak sempat untuk menyempurnakannya. Beliau juga mengumpulkan fakta sejarah dalam karyanya *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beliau turut menulis *al-Tabaqat al-Shafi‘iyyah*, selain mentakhrij hadith-hadith *Mukhtasar Ibn al-Hajib* dan menulis *sharh* kepada *Sahih al-Bukhari*. Beliau mempunyai wawasan yang luas, seorang humoris serta suka bergurau senda dengan baik. Karya-karya dimanfaatkan oleh ramai orang ketika beliau masih hidup dan setelah meninggal dunia. Beliau juga berguru dengan al-Mizzi, membaca kitab *Tahdhib al-Kamal* dan menikahi puteri gurunya itu. Beliau juga banyak merujuk keterangan Ibn Taymiyyah dan mengagumi gurunya, sekali gus beliau ditimpa ujian yang berat disebabkan ketaatan dan kecintaan pada gurunya itu”.¹⁸
5. Pendapat ahli sejarah, al-Shahir Abu al-Muhasin Jamal al-Din Yusuf b. Sayf al-Din al-Ma‘ruf dalam kitabnya, *al-Manhal al-Safi wa al-Mustawfa ba‘d al-Wafi*, “Dia ialah *al-Shaykh al-Imam al-‘Allamah ‘Imad al-Din Abu al-Fida’*, beliau sentiasa bekerja bersungguh-sungguh, mahir dalam bidang fiqh, tafsir dan hadith, mengumpul, mengarang, mengkaji, mengajar, meriwayatkan dan menulis, mempunyai pengetahuan yang luas dalam hadith, tafsir, fiqh dan bahasa Arab, mengeluarkan fatwa dan mengajar sehingga ke akhir hayat, terkenal dengan tulisannya yang cermat dan teliti dan menjadi tumpuan ahli-ahli ilmu dalam bidang sejarah, hadith dan tafsir”.¹⁹
6. Ada juga pendapat lain yang menyebut tentang Ibn Kathir, “Ibn Kathir lebih mengutamakan gurunya (daripada yang lain), iaitu Shaykh al-Taqi al-Din ibn Taymiyyah, menyokong buah fikiran gurunya dan menyokongnya. Guru beliau itu pernah berfatwa dengan pendapatnya sendiri dalam masalah talak. Dari itu, beliau terpaksa menerima ujian dan fitnah akibat sokongannya itu”.

Terdapat juga pendapat tokoh-tokoh cendekiawan Islam lain yang merupakan anak murid Ibn Kathir sendiri, antaranya seperti penerangan berikut:²⁰

1. Ibn Hubayb, “Pemimpin para ahli tafsir, mendengar, menghimpun dan menulis buku. Fatwa-fatwa dan ucapannya banyak didengar hampir di seluruh pelusuk negara. Beliau tersohor

¹⁷ Ahmad Muhammad Shakir (t.th.), *al-Ba‘ith al-Hathith Sharh Ikhtisar ‘Ulum al-Hadith*, Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 13.

¹⁸ Ibn Kathir (1997), *op. cit.*, h. 10; Mani’ Abd. Halim Mahmud (2003), *Metodologi Tafsir: Kajian Komprehensif Para Ahli Tafsir*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h. 65.

¹⁹ Ahmad Muhammad Shakir (t.th.), *op. cit.*, h. 13; *Mawsu‘at al-‘Arabiyyah al-Muyassarah wa al-Muwassa‘ah* (2001), jil. 1, Bayrut: Mu‘assasat al-Tarikh al-‘Arabi.

²⁰ Safi al-Rahman al-Mubarakfuri (2000), *op. cit.*, h. 8.

kerana sikap cermat dalam tulisannya. Beliau merupakan pakar dalam bidang sejarah, hadith dan tafsir”.

2. Pendapat Ibn al-‘Imad al-Hanbali dalam kitabnya, *Shadharat al-Dhab fi Akhbar man Dhahab*, “Beliau merupakan seorang *hafiz* agung, pendukung agama, menghafaz kitab *al-Tanbih* dan *Mukhtasar Ibn Hajib*, seorang yang tidak mudah lupa, mempunyai kefahaman yang baik dan menguasai bahasa Arab.”
3. Pendapat Ibn Hajji, “Apa yang kami ketahui beliau merupakan seorang kuat hafazan dalam bidang matan hadith dan mengetahui ilmu *al-jarh* dan *al-ta‘dil* serta riwayat yang sahih dan lemah. Ramai sahabat dan para gurunya mengiktiraf akan keilmuannya dalam hal tersebut, dan aku memperakui bahawa banyak faedah aku peroleh daripadanya.”

Penulisan dan Karya

Seperti tokoh-tokoh cendekiawan Islam lain, Ibn Kathir juga banyak menulis dan menghasilkan pelbagai karya agung dan memberi manfaat. Karya-karya yang ditulis semasa hayatnya itu bersesuaian dengan kepakaran dan keilmuan beliau dalam pelbagai bidang seperti tafsir, hadith, sejarah dan fiqh. Karya-karya Ibn Kathir boleh diklasifikasikan dalam tiga bentuk, iaitu karya asli, karya berbentuk *mukhtasar* dan manuskrip. Penulisan Ibn Kathir melebihi 15 buah dan sebahagiannya tidak sempat untuk disempurnakan dan dicetak ketika hayatnya. Menurut al-Husayni dalam kitabnya *Dhayl Tadhkirat al-Huffaz li al-Dhahabi* dan Ibn Hajar al-Asqalani dalam kitab, *al-Durar al-Kaminah*, karya-karya yang dihasilkan oleh Ibn Kathir ialah sebanyak 28 buah dan meliputi pelbagai bidang ilmu seperti tafsir, ‘ulum al-Qur’an, tauhid, fiqh, *sirah*, sejarah, hadith dan kajian biografi. Antara karya asli tulisan Ibn Kathir ialah seperti *al-Bidayah wa al-Nihayah*, *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*, *Kitab Ijtihad fi Talab al-Jihad* dan *Qisas al-Anbiya’*. Sementara kitab-kitab Ibn Kathir berbentuk *mukhtasar* atau ringkasan kepada kitab lain ialah seperti *Mukhtasar Abu Shamah*, *Mukhtasar Jamal al-Din ibn Manzur*, *Mukhtasar Isma‘il al-Ajluwani al-Jarrah*, *Mukhtasar Shaykh Abu al-Fath al-Khatib* dan *Mukhtasar Ibn Hajib*. Manakala manuskrip Ibn Kathir pula ialah seperti *Jami‘ al-Masanid wa al-Sunan* dan *Tabaqat al-Shafi‘iyyah*.

Terdapat beberapa kitab yang ditulis oleh Ibn Kathir, antaranya seperti:²¹

1. Akidah. *Ahadith al-Tawhid wa al-Radd ‘ala al-Shirk*.
2. ‘Ulum al-Qur’an.
 - a. *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*, sebuah kitab tafsir tulisan Ibn Kathir yang amat berfaedah dan dikenali sebagai *Tafsir al-Qur’an al-Karim* atau *Tafsir Ibn Kathir*. Dalam kitab ini, Ibn Kathir menggunakan metode *tafsir al-riwayat* atau *tafsir al-ma‘thur*. Ibn Kathir berpendapat metodologi yang tepat untuk mentafsirkan al-Qur’an ialah dengan ayat al-Qur’an. Sekiranya tiada, hendaklah ditafsir mengikut Sunnah Rasulullah (s.a.w.) dan sekiranya tiada, hendaklah ditafsir mengikut *athar* para Sahabat (r.a.) dan *tabi‘in*. *Tafsir Ibn Jarir al-Tabari* merupakan rujukan paling utama bagi Ibn Kathir dalam penulisan tafsirnya. Kemungkinan kitab tafsir ini menjadi rujukan utama ialah kerana keistimewaan al-Tabari mengemukakan pendapat-pendapat ahli tafsir dengan *sanadnya*. Pendekatan ini boleh membantu seseorang pentafsir menilai *sanad* tersebut, sama ada ia *sahih*, *da‘if* atau sebagainya. Ibn Kathir tidak begitu memberi perhatian terhadap perbincangan *i‘jaz al-Qur’an* dan rahsia-rahsia di sebalik susunan ayat yang berkaitan dengan ilmu *balaghah*. Ibn Kathir memberi perhatian serius kepada kisah-kisah Nabi, Rasul dan umat terdahulu yang terdapat dalam al-Qur’an. Selain itu, Ibn Kathir begitu cermat dan berhati-hati terhadap riwayat *Isra‘iliyyat* yang banyak menyusup masuk ke dalam buku-buku tafsir al-Qur’an.²²

²¹ Ibn Kathir (1997), *op. cit.*, h. 11-13.

²² Mohd. Zawawi Abdullah (1998), *op. cit.*, h. 31.

- b. *Fada'il al-Qur'an wa Tarikh Jam'ih wa Kitabatih wa Lughatih.*
3. Hadith.
 - a. *al-Huda wa al-Sunan fi Ahadith al-Masanid wa al-Sunan*, kitab ini dikenali juga sebagai *Kitab Jami' al-Masanid wa al-Sunan*. Karya ini diterbitkan sebanyak lapan jilid dan disusun mengikut bab. Kitab ini mengandungi nama-nama Sahabat (r.a.) yang meriwayatkan hadith dalam *Musnad Imam Ahmad, Musnad al-Bazzar, Musnad Abi Ya'la al-Mawsili, Ibn Abi Shaybah dan al-Kutub al-Sittah.*
 - b. *Kitab al-Ahkam al-Kubra fi al-Hadith*, sebuah kitab besar yang membincangkan tentang hukum-hukum dan masih belum sempurna penulisannya. Perbincangan terakhir kitab ini ialah mengenai masalah haji.
 - c. *Kitab al-Ahkam al-Sughra fi al-Hadith.*
 - d. *Sharh Sahih al-Bukhari*, penulisan kitab ini tidak selesai secara sempurna.
 - e. *Musnad al-Shaykhayn Abi Bakr wa 'Umar*, kitab ini diterbitkan sebanyak tiga jilid yang mengandungi hadith, hukum-hukum dan fatwa yang diriwayatkan oleh kedua-dua para Sahabat (r.a.) ini daripada Rasulullah (s.a.w.).
 - f. *Takhrij Ahadith Mukhtasar Ibn Hajib*, membicarakan dalam *usul al-fiqh.*
 - g. *Ikhtisar kitab al-Madkhal ila Kitab al-Sunan*, karya al-Bayhaqi.
 - h. *Mukhtasar 'Ulum al-Hadith*, kitab ini merupakan *mukhtasar* atau ringkasan kepada karya Ibn Salah dalam bidang *mustalah al-Hadith*. Kitab ini diterbitkan pertama kalinya di Makkah dan Mesir. Kitab ini *disharh* dan ditulis oleh Shaykh Ahmad Muhammad Shakir lalu dinamakan kitab *sharh* tersebut sebagai *al-Ba'ith al-Hathith fi Sharh Mukhtasar 'Ulum al-Hadith.*
 - i. *Kitab al-Muqaddimah*, disebut dalam *Mukhtasar Muqaddimat Ibn Salah* yang membahaskan tentang *mustalah al-Hadith.*
 - j. *Kitab fi Jami' al-Masanid al-'Asharah.*
 - k. *Risalat al-Ijtihad fi Talab al-Jihad*, kitab ini membincangkan tentang jihad. Penulisan kitab ini mendapat inspirasi daripada kitab tulisan Shaykh al-Islam Ibn Taymiyyah, iaitu *al-Siyasah al-Shar'iyah.*
 - l. *Mukhtasar Shaykh Abu al-Fath al-Khatib.*
 - m. *Mukhtasar Jamal al-Din ibn Manzur.*
4. Fiqh.
 - a. *Sharh al-Tanbih*, membincangkan fiqh mazhab Shafie.
 - b. *Kitab al-Siyam*, disebut oleh Ibn Kathir dalam tafsirnya.
5. *Sirah Nabawiyyah*;
 - a. *al-Fusul fi Ikhtisar Sirat al-Rasul.*
 - b. *Ikhtisar al-Sirah al-Nabawiyyah*, kitab ini diambil daripada sebahagian bab yang terkandung dalam kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Ibn Kathir mengkhususkan kepada bab yang menceritakan perihal bangsa Arab ketika zaman Jahiliyyah dan Islam serta *sirah* Rasulullah (s.a.w.).
 - c. *Shama'il al-Rasul wa Dala'il Nubuwwatih wa Fada'ilih wa Khasa'isih.*
6. *al-Rijal*, biografi dan sejarah;
 - a. *al-Takmil fi Ma'rifat al-Thiqat wa al-Du'afa' wa al-Majahil*, kitab ini diterbitkan sebanyak lima jilid. Dalam kitab ini, Ibn Kathir mengumpul dan memasukkan kitab-kitab karya gurunya, iaitu *Tahdhib al-Kamal fi Asma' al-Rijal* tulisan al-Mizzi dan *Mizan al-Itidal fi Naqd al-Rijal* tulisan al-Dhahabi bersama beberapa penambahan dalam membincangkan perbincangan tentang *al-jarh* dan *al-ta'dil.*
 - b. *Tabaqat Shafi'iyah*, penulisan kitab berbentuk manuskrip ini disertakan dengan sejarah hidup Imam Shafie.

- c. *Manaqib al-Shafi'iyah*.
- d. *al-Kawakib al-Durari*.
- e. *Qisas al-Anbiya'*, kitab ini sudah banyak diterjemahkan ke bahasa lain termasuk bahasa Melayu. Bab awal kitab ini membincangkan tentang pengertian Nabi, perbezaan Nabi dan Rasul, ciri-ciri kenabian, tugas para Nabi, jumlah para Nabi, kewajipan beriman dengan para Nabi, mukjizat para Nabi dan jenis-jenisnya. Bab seterusnya menceritakan tentang kisah para Nabi dan Rasul bermula dari kisah Nabi Adam (a.s.) sehingga Nabi Muhammad (s.a.w.). Dalam kitab ini juga terselit beberapa kisah para Nabi yang tidak tergolong dalam 25 Rasul yang wajib dipercayai seperti Nabi Hazqiyah (a.s.), Nabi Daniel (a.s.), Nabi Hizqil (a.s.), Nabi Samuel (a.s.) dan Nabi Khidir (a.s.). Selain itu, terdapat beberapa kisah umat terdahulu diceritakan dalam kitab ini seperti kaum Nabi Nuh (a.s.), kaum 'Ad, kaum Thamud dan kaum Nabi Lut (a.s.). Penyampaian idea dan bentuk penulisan Ibn Kathir dalam buku ini agak berbeza daripada cara yang digunakan oleh penulis lain. Beliau lebih menekankan bidang penafsiran al-Qur'an dengan tambahan rujukan daripada hadith-hadith sahih. Jalan cerita yang dipersembahkan dalam kitab ini dikupas dengan cara yang tersusun. Ibn Kathir memuatkan tulisannya dengan berhati-hati, iaitu menghindari kisah-kisah yang tidak mempunyai sandaran dalil dan fakta yang dapat dipegang. Jika terdapat pun kisah-kisah yang tidak mempunyai sandaran yang kuat dalam kitab ini, ia sengaja dimasukkan sebagai tujuan melakukan perbandingan supaya pembaca dapat membezakan antara kisah sebenar dengan kisah yang diada-adakan.
- f. *al-Bidayah wa al-Nihayah*, kitab ini membincangkan sejarah yang sangat komprehensif. Pertama kali diterbitkan di Mesir pada tahun 1358H oleh Penerbit al-Sa'adah. Kitab ini yang terdiri daripada 14 jilid ini menceritakan tentang kisah para Nabi dan umat terdahulu, keadaan Arab Jahiliyyah, *sirah* Rasulullah (s.a.w.), sejarah Khulafa' al-Rashidin sehingga ke zamannya. Terdapat beberapa jilid yang belum sempat dicetak, iaitu jilid bahagian akhir atau *al-Nihayah*. Di bahagian akhir ini, Ibn Kathir mengulas hadith-hadith yang membicarakan tentang tanda-tanda Hari Kiamat dan keadaan Akhirat.
- g. *Nihayat al-Bidayah wa al-Nihayah*, merupakan pelengkap kepada jilid akhir kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah* dan membicarakan tentang kejadian-kejadian dan tanda-tanda Kiamat yang berlaku pada akhir zaman.

Ibn Kathir juga menulis kitab lain yang tidak tergolong dalam disiplin ilmu di atas seperti kitab *al-Balaghah wa al-Iqna' fi Hall Shubhah Mas'alat al-Sama'*. Kitab tersebut membincangkan tentang hukum-hukum berkenaan perkara dan masalah nyanyian dan muzik. Ini jelas menunjukkan karya-karya Ibn Kathir ini membuktikan kepakaran dan kemahiran beliau dalam pelbagai bidang ilmu. Karya-karya yang dihasilkan pula banyak dimanfaatkan oleh umat Islam semasa hayatnya dan selepas beliau meninggal dunia.

Kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah*

Kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah* merupakan kitab sejarah yang ditulis oleh Ibn Kathir. Kitab ini merupakan sebuah ensiklopedia sejarah umpama penulisan kitab sejarah seperti kitab *al-Kamil fi al-Tarikh* karya Ibn al-Athir (555-630H/1160-1232M). Kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah* ini terdiri daripada 14 jilid dan terdapat beberapa bab atau fasal dalam setiap jilid yang disusun mengikut kronologi atau urutan peristiwa. Penulisan kitab ini dipengaruhi oleh beberapa penulisan sejarah lain seperti *al-Barazli fi al-Tarikh* tulisan al-Qasim b. Muhammad al-Barazli, sejarawan Sham (m.739H) dan kitab sejarah tulisan Shaykh Shihab al-Din Abu Shamah al-Maqdisi, ketua Dar al-Hadith al-Ashrafiyyah (m.665H).

Ibn Kathir memulakan penulisan kitab ini dengan menyentuh aspek permulaan penciptaan makhluk. Antara permulaan penciptaan ialah seperti 'arash, al-Kursi, langit, bumi dan makhluk-makhluk yang

berada di langit dan bumi seperti malaikat, jin dan syaitan. Setelah itu, Ibn Kathir membahaskan tentang penciptaan Nabi Adam (a.s.), kisah para Nabi, kisah umat-umat terdahulu, termasuk sejarah kehidupan Banu Isra'el. Kemudian, Ibn Kathir menulis pula tentang keadaan masyarakat Arab pada zaman Jahiliyyah dan awal kedatangan Islam, *sirah* Rasulullah (s.a.w.) sehingga kewafatan Baginda, peristiwa dan sejarah yang berlaku pada zaman Khulafa' al-Rashidin sehingga ke zaman Ibn Kathir sendiri, iaitu pada abad ke-8H. Ibn Kathir menulis bab terakhir kitab ini dengan menceritakan peristiwa-peristiwa seperti fitnah, kejahatan dan tanda-tanda berlakunya Hari Kiamat (hari kebangkitan) dan keadaan huru-hara pada hari tersebut. Beliau juga menyebut ciri-ciri dan peristiwa penting yang berlaku pada Hari Kiamat selain menceritakan tentang sifat-sifat Syurga dan Neraka. Cerita-cerita tersebut dipetik daripada al-Qur'an dan al-Sunnah, *athar* serta *akhbar* yang disalin dan diterima daripada para ulama. Mereka pula mengambilnya daripada Nabi Muhammad (s.a.w.) yang membawa risalah Allah (s.w.t.) ini.

Ibn Kathir tidak akan memasukkan cerita-cerita yang berunsur *Isra'iliyyat* kecuali yang dibenarkan oleh syarak sahaja dan tidak bercanggah dengan kitab Allah (s.w.t.) dan sunnah Rasul-Nya. Aspek cerita *Isra'iliyyat* yang dipetik itu adalah cerita yang dikategorikan sebagai tidak boleh dianggap benar dan tidak boleh didustakan. Cerita-cerita ini ialah sebagai 'penghurai' bagi apa yang ringkas pada kita dan sebagai 'penjelas' bagi apa yang samar dalam syariat kita. Malah, cerita-cerita *Isra'iliyyat* ini tidak mendatangkan faedah yang besar untuk diberikan perhatian. Justeru, Ibn Kathir memasukkan cerita *Isra'iliyyat* dalam kitab ini sekadar untuk menghiasi jalan cerita, dan bukannya atas dasar kerana memerlukan atau menjadikannya sebagai satu pegangan. Pegangan dan sandaran hujah terpenting dalam *al-Bidayah wa al-Nihayah* ini hanyalah daripada kitab Allah (s.w.t.) dan sunnah Rasul-Nya.

Penulis mendapati kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah* ini telah diterjemah dan diterbitkan ke beberapa bahasa lain, termasuk bahasa Melayu. Antara institusi yang bertanggungjawab menterjemahkan karya ini ke bahasa Melayu ialah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), yang telah mengambil inisiatif menterjemahkan karya ini dengan melakukan sedikit pindaan kepada judul karya, iaitu *Sejarah Tamadun Islam Ibn Kathir*. Karya ini diterjemah dan diterbitkan buat pertama kali pada tahun 2005 dengan penerbitan sebanyak 14 jilid, yang mengikut kronologi peristiwa. Terjemahan karya ini dibuat berpandukan sebuah manuskrip yang diperolehi daripada Madrasat al-Ahmadiyyah yang terletak di Halab, Syria. Manuskrip itu dikumpul oleh jumur *muhaqqiqin* dan mereka telah menjalankan penyelidikan dengan merujuk kitab induk sejarah dan kitab *sirah* bertaraf muktabar atau autentik.²³

Penulis juga mendapati karya *al-Bidayah wa al-Nihayah* ini telah dicetak semula beberapa kali dalam bahasa Arab. Antaranya ialah bahan yang diterbitkan oleh Maktabat al-Tahqiq di Bayrut, Lubnan pada tahun 1997 dan dicetak sebanyak tujuh buah kitab. Satu kitab merangkumi dua jilid dan ini menjadikannya merangkumi 14 buah jilid. Penulis juga mendapati terdapat beberapa kitab yang ditulis oleh tokoh-tokoh terkemudian sebagai *khulasah* atau ulasan bagi kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Antara kitab berbentuk *khulasah* tersebut ialah kitab yang ditulis oleh Shaykh Muhammad b. Ahmad Kan'an. Beliau telah menulis kitab ulasan sebanyak lapan topik berdasarkan isi kandungan kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Lapan topik ulasan tersebut ialah sebagaimana seperti berikut:²⁴

1. *Qisas al-Anbiya' wa Akhbar al-Madiyyin.*
2. *al-Sirah al-Nabawiyyah wa al-Mu'jizat.*
3. *al-Maghazi al-Nabawiyyah.*
4. *Tarikh al-Khilafah al-Rashidah.*
5. *Tarikh al-Dawlah al-Umawiyyah.*

²³ Ibn Kathir (2005), *Sejarah Tamadun Islam Ibn Kathir*, terj. Zaidah Mohd. Noor et. al., Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

²⁴ Muhammad b. Ahmad Kan'an (1997), *al-Maghazi al-Nabawiyyah: Khulasat Tarikh Ibn Kathir*, Bayrut: Mu'assasat al-Ma'arif, h. 4.

6. *Tarikh al-Dawlah al-‘Abbasiyyah wa Ma Rafiquha min al-Mamalik.*
7. *Wafayyat al-A‘yan wa al-Mashahir.*
8. *Ashrat al-Sa‘ah: al-Jannah wa al-Nar.*

Siri Peperangan dalam Kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah*

Peristiwa peperangan yang melibatkan umat Islam telah dicatatkan oleh Ibn Kathir di dalam kitabnya, *al-Bidayah wa al-Nihayah* bermula dari zaman Rasulullah (s.a.w.) hingga ke zaman Ibn Kathir sendiri, iaitu pada zaman Kerajaan Mamluk. Peperangan-peperangan dalam sejarah ketenteraan Islam yang dicatatkan oleh Ibn Kathir ialah sebagaimana perbincangan berikut:

(a) Zaman Rasulullah (s.a.w.)

Terdapat banyak peperangan pada zaman Rasulullah (s.a.w.) yang dicatatkan dalam *al-Bidayah wa al-Nihayah* ini. Peperangan yang berlaku ketika era Rasulullah (s.a.w.) bermula selepas Baginda berhijrah ke Madinah hinggalah kepada saat kewafatan Baginda pada tahun 11H. Peperangan ketika itu boleh dibahagikan kepada dua, iaitu *maghazi* dan *sariyyah*. *Maghazi* bermaksud peperangan yang disertai oleh Rasulullah (s.a.w.) manakala *sariyyah* pula ialah ekspedisi tentera yang dihantar oleh Baginda dan diketuai oleh para Sahabat (r.a.) yang dilantik.

Siri peperangan yang berlaku ketika zaman Rasulullah (s.a.w.) menjadi ketua negara di Madinah ialah seperti Perang al-Abwa’, Perang Bawwat, Perang al-‘Ashirah dan Perang Badr al-‘Uzma. Perang Badr al-‘Uzma yang berlaku pada tahun 2H telah diceritakan secara terperinci dalam *al-Bidayah wa al-Nihayah*, dan secara khususnya dalam jilid ketiga. Peristiwa Badr yang dicatatkan ialah seperti pembunuhan Abu al-Bukhturi b. Hisham, Umayyah b. Khalaf dan Abu Jahl, pembayaran tebusan perang, pembahagian harta *ghanimah*, kepulauan tentera Islam ke Madinah, kegembiraan Raja al-Najashi terhadap kemenangan tentera Islam dalam Perang Badr, penebusan orang Quraysh, nama-nama tentera Badr mengikut abjad *mu‘jam* dan kelebihan para syuhada’ Badr.²⁵

Peperangan yang berlaku pada zaman Rasulullah (s.a.w.) selanjutnya ialah seperti Perang Najd, Perang Furu’ dan Perang Uhud yang berlaku pada tahun 3H. Peristiwa Perang Uhud juga telah diceritakan secara terperinci oleh Ibn Kathir di dalam kitabnya ini seperti peristiwa Hamzah b. ‘Abd al-Muttalib (r.a.) yang mati syahid.²⁶ Peperangan yang berlaku pada tahun 4H seperti Perang al-Raji’, Perang Banu al-Nadir, Perang Banu Lihyan dan Perang Dhat al-Raqa’. Manakala peperangan yang berlaku pada tahun 5H ialah seperti Perang Dawmat al-Jandal, Perang Khandaq atau al-Ahzab dan peperangan menentang Banu Qurayzah. Peperangan yang meletus pada tahun 6H pula ialah seperti Perang Banu Mustaliq diikuti Perang Khaybar yang meletus pada tahun 7H. Terdapat banyak peperangan yang berlaku pada tahun 8H seperti Perang Mu’tah, *Fath Makkah*, Perang Hunayn dan Perang Ta’if. Pada tahun 9H, Perang Tabuk meletus yang menyaksikan pelbagai peristiwa yang berlaku seperti kisah orang yang tidak menyertai perang dan pembinaan Masjid al-Dirar oleh orang munafik.²⁷

Pada zaman Rasulullah (s.a.w.) juga, beberapa ekspedisi ketenteraan atau *sariyyah* telah dihantar oleh Baginda ke suatu puak atau tempat. Antara *sariyyah* yang dihantar oleh Rasulullah (s.a.w.) ialah seperti *sariyyah* Abu Bakr al-Siddiq (r.a.) kepada Banu Fazarah, *sariyyah* ‘Umar b. al-Khattab (r.a.) ke Taribah dan *sariyyah* ‘Abd Allah b. Rawwahah (r.a.) kepada Yasir b. Razzam al-Yahudi, utusan Sa’d b. Abi Waqqas (r.a.) ke al-Jarar, *sariyyah* ‘Abd Allah b. Jahsh (r.a.) ke Bujaylah, *sariyyah* Muhammad b. Muslamah (r.a.) kepada Ka’b b. al-Ashraf, *sariyyah* ‘Ali b. Abi Talib (r.a.) ke Fadak dan *sariyyah* Zayd b. Harithah (r.a.) ke Jumum, iaitu penempatan bagi kaum Banu Sulaym.

²⁵ Ibn Kathir (1999), *al-Bidayah wa al-Nihayah*, jil. 3, tahqiq, Muhammad Ghazi Baydun, Bayrut: Maktabat al-Ma’arif, h. 281-348.

²⁶ *Ibid.*, (1999), jil. 4, h. 383-396.

²⁷ *Ibid.*, (1999), jil. 5, h. 5-28.

(b) Zaman Khulafa' al-Rashidin

Zaman ini juga menyaksikan pelbagai siri peperangan, khususnya antara tentera Islam dengan kuasa besar yang lain seperti Rom dan Parsi. Siri peperangan pada zaman Khulafa' al-Rashidin ini kebanyakannya berlaku ketika era pemerintahan Khalifah 'Umar b. al-Khattab (r.a.). Hal ini disebabkan polisi pentadbirannya ketika itu cenderung kepada meluaskan kawasan pemerintahan, yang lebih dikenali sebagai proses *futuhat Islamiyyah*.

Pada zaman Khalifah Abu Bakr al-Siddiq (r.a.), operasi ketenteraan ke Sham yang telah dirancang oleh Rasulullah (s.a.w.) sebelum kewafatannya tetap diteruskan, walaupun mendapat tentangan daripada sebilangan para Sahabat (r.a.). Namun demikian, Abu Bakr (r.a.) tetap dengan keputusan menghantar operasi ketenteraan yang diketuai oleh Usamah b. Zayd ke Sham bagi memerangi ancaman tentera Rom. Dalam masa yang sama, Abu Bakr (r.a.) telah membentuk beberapa ketumbukan tentera bagi menghadapi tentangan daripada golongan *al-Riddah* dan enggan membayar zakat. Abu Bakr (r.a.) telah pergi sendiri ke Dhu al-Qissah untuk menyerahkan sebelas buah bendera kepada pemimpin-pemimpin tentera seperti Khalid b. al-Walid (r.a.), 'Ikrimah b. Abi Jahl (r.a.), Shurahbil b. Hasanah (r.a.), Muhajir b. Abi Umayyah (r.a.), Qays b. Makshuh (r.a.), Khalid b. Sa'id b. al-'As (r.a.), 'Amru b. al-'As (r.a.), Hudhayfah b. Muhsin al-Ghatfani (r.a.), Tarafah b. Hajib (r.a.), Suwayd b. Muqrin (r.a.) dan 'Ala' b. al-Hadrami (r.a.).²⁸ Pada tahun 14H, perang antara tentera Islam dengan tentera Rom atau Parsi telah berlaku seperti Perang Yarmuk yang menyaksikan pertempuran hebat antara tentera Islam dengan tentera Rom. Selain itu, perang lain yang berlaku pada tahun tersebut ialah Perang al-Fihal (tentera Islam dengan tentera Rom), Perang al-Namaraq, Perang al-Jisr, Perang al-Buwayb (tentera Islam dengan tentera Parsi) dan Perang al-Qadisiyyah ke atas Iraq yang dipimpin oleh Sa'd b. Abi Waqqas.²⁹

Operasi ketenteraan Islam menjadi semakin rancak setelah 'Umar (r.a.) mengambil alih pentadbiran negara disebabkan kematian Abu Bakr (r.a.). Perang yang berlaku pada tahun 15H ialah seperti Perang Qaysariyyah, Perang Ajnadin yang diketuai oleh 'Amru b. al-'As dan Perang Qinnasirin antara tentera Islam dengan tentera Rom. Pada tahun 16H, terdapat satu perang yang telah meletus antara tentera Islam dengan tentera Parsi, iaitu Perang Jalwala' yang telah menyaksikan kemenangan kepada tentera Islam sehingga membawa kepada pembukaan kota Hilwan.³⁰ Pada tahun 19H, operasi ketenteraan Islam telah dihantar ke Mesir oleh khalifah yang diketuai 'Amru b. al-'As. Ibn Kathir juga telah menceritakan secara terperinci perang besar yang berlaku pada tahun 21H antara tentera Islam dengan tentera Rom, iaitu Perang Nahawand.³¹

Operasi ketenteraan Islam pada zaman Khalifah 'Uthman b. 'Affan (r.a.) seperti mana era pemerintahan sebelumnya. Malah, pada era 'Uthman (r.a.) telah menyaksikan perubahan dalam sistem ketenteraan Islam apabila angkatan tentera laut Islam mula diperkenalkan dan menjalankan operasi menguasai Qubrus (Cyprus).³² Idea yang dicetuskan oleh Mu'awiyah b. Abi Sufyan (r.a.) ini mengambil model daripada angkatan laut Rom yang menyaksikan tentera laut Islam dapat menyaingi dan mengimbangi kekuatan tentera laut Rom. Perang yang hebat pada zaman 'Uthman (r.a.) ialah Perang al-Sawari dan Perang al-Asawidah yang berlaku pada tahun 34H, iaitu perang antara tentera Islam ketika mempertahankan Sham daripada ancaman tentera Rom.³³ Operasi ketenteraan pada zaman 'Ali (r.a.) pula tidak dapat dijalankan disebabkan kegawatan politik yang berlaku ketika itu. Malah, perang yang berlaku pada zaman tersebut memberi titik hitam dalam sejarah Islam kerana perang tersebut membabitkan sesama umat Islam. Perang yang dimaksudkan ialah Perang Jamal yang

²⁸ *Ibid.*, (1999), jil. 6, h. 707.

²⁹ *Ibid.*, (1999), jil. 7, h. 7-46.

³⁰ *Ibid.*, (1999), jil. 7, h. 74-77.

³¹ *Ibid.*, (1999), jil. 7, h. 113-121.

³² *Ibid.*, (1999), jil. 7, h. 145.

³³ *Ibid.*, (1999), jil. 7, h. 179-180.

berlaku pada tahun 36H dan Perang Siffin yang berlaku pada tahun 37H. Perang tersebut menyaksikan pertarungan sesama Muslim sehingga membawa kepada pembunuhan beberapa para Sahabat (r.a.) seperti Talhah b. 'Ubayd Allah (r.a.), al-Zubayr b. al-'Awwam (r.a.) dan 'Ammar b. Yasir (r.a.).³⁴

(c) Zaman Umawi

Operasi ketenteraan zaman Umawi pula lebih menjurus kepada pembukaan negeri-negeri baru dan menghadapi ancaman pemberontakan. Antara perang yang berlaku ketika era Umawi ialah seperti tentera Islam berjaya menguasai Semenanjung Rawdas pada tahun 60H, Perang al-Hurrah pada tahun 63H setelah penduduk Madinah bertindak memecat dan menarik kesetiaan daripada Yazid b. Mu'awiyah, dan Perang 'Ayn Wardah pada tahun 65H. Perang hebat yang berlaku ketika era Umawi ini ialah peperangan antara tentera Umawi yang diketuai al-Hajjaj b. Yusuf al-Thaqafi dengan 'Abd Allah b. al-Zubayr yang menjadi pemerintah di Hijaz pada tahun 73H. Peperangan tersebut menyaksikan kekalahan di pihak Ibn al-Zubayr sehingga membawa kepada pembunuhannya.³⁵

Operasi ketenteraan Umawi juga banyak menyumbang kepada pembukaan wilayah-wilayah baru. Misalnya, Ibn Kathir menjelaskan peperangan yang berlaku pada zaman pemerintahan Khalifah al-Walid b. 'Abd al-Malik kebanyakannya menjurus kepada pembukaan wilayah-wilayah baru seperti pembukaan Samarqand oleh tentera Umawi yang diketuai oleh Qutaybah b. Muslim, pembukaan Parsi dan Hind oleh Muhammad b. al-Qasim al-Thaqafi dan pembukaan Andalus oleh Musa b. Nusayr dan Tariq b. Ziyad. Selain itu, peperangan ketika zaman Umawi juga memperlihatkan gerakan ketenteraan kerajaan dalam menghadapi ancaman pemberontakan seperti Perang al-Zawiyah yang berlaku pada tahun 82H yang melibatkan tentera Umawi yang dipimpin al-Hajjaj dan tentera pemberontak yang diketuai oleh Ibn al-Ash'ath.³⁶

(d) Zaman 'Abbasi

Siri peperangan yang berlaku pada zaman pemerintahan *khilafah* 'Abbasiyyah mempunyai persamaan dengan siri peperangan ketika era Umawi dari sudut tujuan dan penglibatan pihak yang terlibat. Peperangan yang menjurus kepada pembukaan wilayah-wilayah baru dan menghadapi ancaman pemberontak tetap ada pada zaman 'Abbasi. Walau bagaimanapun, Kerajaan 'Abbasi dilihat semakin tidak dapat bertahan lama dalam siri peperangan yang disertai, terutama era 'Abbasi hampir menuju penghujungnya. Perkara ini jelas apabila Kerajaan 'Abbasi tumbang di Baghdad apabila diserang oleh tentera Mongol pimpinan Hulagu Khan pada tahun 656H.

Pada awal zaman 'Abbasi, khalifah lazimnya akan terlibat secara langsung seperti mengetuai sendiri angkatan perang atau melantik sesiapa sebagai pemimpin angkatan dalam setiap siri peperangan yang bertujuan untuk meluaskan kawasan atau menghadapi ancaman musuh. Hal ini jelas berlaku, misalnya pada tahun 159H, apabila Khalifah al-Mahdi telah bertindak menghantar tentera yang diketuai oleh al-'Abbas b. Muhammad bagi menghadapi ancaman tentera Rom.³⁷ Selain itu, khalifah juga telah bertindak menghantar tentera kerajaan yang dipimpin oleh Abu al-'Abbas bagi menghadapi pemberontakan 'Amru b. Layth pada tahun 274H setelah 'Amru dipecat dari jawatan Gabenor Khurasan.³⁸ Tentera khalifah seramai 100,00 orang juga telah dikerah bagi menghadapi ancaman puak pemberontak al-Qaramitah yang diketuai oleh al-Husayn b. Zakrawayh pada tahun 291H.³⁹ Pada era 'Abbasi kedua, khalifah dilihat tidak terlibat secara langsung dalam operasi ketenteraan dan siri peperangan. Ini disebabkan khalifah hanya berkuasa sebagai ketua agama setelah kuasa eksekutif dan pemerintahan dipegang oleh Banu Buwayh dan Saljuq. Oleh itu, setiap operasi ketenteraan dalam

³⁴ *Ibid.*, (1999), jil. 7, h. 246-285.

³⁵ *Ibid.*, (1999), jil. 8, h. 733-737.

³⁶ *Ibid.*, (1999), jil. 9, h. 49-50.

³⁷ *Ibid.*, (1999), jil. 10, h. 551-552.

³⁸ *Ibid.*, (1999), jil. 11, h. 62-63.

³⁹ *Ibid.*, (1999), jil. 7, h. 114-115.

siri peperangan yang melibatkan Kerajaan ‘Abbasi ketika itu ditentukan oleh golongan Buwayh dan Saljuq. Dalam urusan membuka wilayah-wilayah baru pula, inisiatif ini dilakukan oleh pemimpin-pemimpin sesebuah *duwaylat* dan khalifah ‘Abbasi hanya bertindak mengiktiraf kawasan yang berjaya dibuka sebagai sebahagian daripada *Dar al-Islam*. Misalnya pada tahun 410H, Mahmud al-Ghaznawi telah meminta pengiktirafan daripada khalifah ‘Abbasi untuk mengiktiraf kekuasaannya di India setelah beliau berjaya menyerang dan menguasai kawasan tersebut.⁴⁰

(e) Zaman Ayyubi

Siri peperangan pada zaman Kerajaan Ayyubiyyah ini lebih tertumpu kepada pertarungan antara kuasa Islam dan kuasa Kristian Eropah. Pertembungan antara dua buah kuasa ini lebih dikenali sebagai Perang Salib disebabkan semangat ‘salib’ yang dibawa oleh tentera Kristian Eropah dalam usaha menawan Bayt al-Muqaddis. Walau bagaimanapun, Perang Salib ini bermula lebih awal sebelum kewujudan Kerajaan Ayyubiyyah. Perang Salib pertama yang berlaku pada tahun 491H menyaksikan peperangan antara tentera Kristian Eropah yang datang dari Perancis dan Rom dengan tentera Islam yang diwakili oleh golongan Saljuq yang mendirikan *duwaylat* di sekitar Anatolia.⁴¹ Perang Salib pertama ini menyaksikan kekalahan tentera Islam sehingga membawa kepada penewanan Bayt al-Muqaddis oleh tentera Salib. Faktor-faktor utama kepada kekalahan tersebut ialah tentera Islam tidak bersedia menghadapi kemaraan tentera Kristian, di samping pada waktu itu kerajaan-kerajaan Islam berada dalam kedudukan yang lemah, termasuk *khilafah ‘Abbasiyah* sendiri.

Selepas peristiwa yang menyayat hati umat Islam itu berlalu, terdapat sebilangan tokoh-tokoh pejuang Islam yang berusaha kembali menguasai Bayt al-Muqaddis dengan melancarkan serangan ke atas Kerajaan Salib yang muncul di Bayt al-Muqaddis, Raha, dan Tarablus. Antaranya ialah seperti serangan yang dilakukan oleh Nur al-Din Mahmud Zanki ke atas beberapa kota Kerajaan Salib dan berjaya menawan kembali beberapa kota penting seperti Raha pada tahun 542H dan Dimashq pada tahun 549H.⁴² Walaupun Nur al-Din Mahmud Zanki tidak berjaya menawan kembali Bayt al-Muqaddis, tetapi perjuangan beliau dalam Perang Salib kedua telah membuka mata umat Islam untuk bersatu menentang Kaum Salib, sekali gus memudahkan jalan penewanan semula Bayt al-Muqaddis oleh Salah al-Din al-Ayyubi dalam Perang Salib ketiga.

Salah al-Din al-Ayyubi merupakan tokoh yang masyhur dalam sejarah Perang Salib. Kejayaannya menguasai semula Bayt al-Muqaddis daripada kaum Salib telah memberi khabar gembira kepada seluruh umat Islam. Walaupun pada ketika itu, tentera Kristian Eropah dianggap sebagai sebuah angkatan tentera besar yang disertai beberapa orang Raja Eropah terkenal seperti Richard *the Lion Heart* (Raja England). Antara perang yang masyhur dalam sejarah Perang Salib ini ialah pertempuran antara tentera Salah al-Din al-Ayyubi dengan tentera Salib pada tahun 583H. Peperangan yang dikenali sebagai Perang Hittin ini dimenangi oleh tentera Islam dan sekali gus ia membawa kepada penguasaan semula Bayt al-Muqaddis ke tangan umat Islam setelah hampir 100 tahun berada di bawah pengawasan kaum Salib.⁴³ Malah, Perang Salib ketiga ini juga menjadi bukti kepada sikap toleran dan layanan baik Salah al-Din al-Ayyubi kepada tentera Salib yang berjaya ditewaskan. Sikap ini menunjukkan Islam mengajar umatnya agar mempunyai sikap belas ihsan dan memberikan layanan sebaiknya kepada sesuatu kaum yang lemah. Akhirnya, peperangan ini telah membuka mata dan minda masyarakat Kristian Eropah untuk mengetahui sifat sebenar umat Islam kerana sebelum itu mereka menganggap umat Islam merupakan masyarakat yang ganas, mundur, sukakan peperangan dan tidak bertamadun.

⁴⁰ *Ibid.*, (1999), jil. 12, h. 444-445.

⁴¹ *Ibid.*, (1999), jil. 12, h. 638-639.

⁴² *Ibid.*, (1999), jil. 12, h. 729-743.

⁴³ *Ibid.*, (1999), jil. 12, h. 849-856.

Namun demikian, kaum Salib terus melancarkan Perang Salib ke atas dunia Islam terutama setelah mereka mengetahui kematian Salah al-Din al-Ayyubi. Mereka beranggapan kuasa Islam di Bayt al-Muqaddis akan menjadi lemah setelah kematian Salah al-Din al-Ayyubi. Siri Perang Salib terus berpanjangan membabitkan kuasa Islam dan Kristian Eropah. Serangan selepas itu tidak hanya tertumpu kepada Bayt al-Muqaddis semata-mata, malah tentera Salib telah menukarkan sasaran serangan ke Mesir kerana mereka merasakan Kerajaan Ayyubiyyah di Mesir yang bertanggungjawab ke atas kekalahan mereka dalam Perang Salib ketiga. Selain itu, sekiranya mereka dapat menawan Mesir, sudah tentu jalan untuk menawan kembali Bayt al-Muqaddis menjadi lebih mudah. Perang Salib kelima pada tahun 609H menyaksikan pertempuran antara tentera Salib dengan tentera Islam yang diketuai oleh al-Malik al-'Adil di Dimyat.⁴⁴ Walaupun tentera Islam tewas pada peringkat awal, akan tetapi strategi tentera Islam selepas itu dengan membuka pintu air sehingga membanjiri Dimyat telah memaksa tentera Salib keluar dari Mesir. Serangan lain ialah pakatan tentera Islam yang diketuai oleh al-Malik al-Kamil untuk mempertahankan Bayt al-Muqaddis daripada serangan tentera Salib pada tahun 625H.⁴⁵ Ibn Kathir mencatatkan dalam kitabnya, *al-Bidayah wa al-Nihayah* bahawa siri Perang Salib terus berlanjutan walaupun Kerajaan Ayyubiyyah telah tumbang dan digantikan dengan Kerajaan Mamluk. Pemimpin-pemimpin Kerajaan Mamluk terus berjuang memerangi ancaman tentera Salib demi mempertahankan kesucian agama Islam.

(f) Zaman Mamluki

Ibn Kathir juga mencatatkan beberapa siri peperangan yang berlaku ketika zaman pemerintahan Kerajaan Mamluk. Peperangan pada zaman ini lebih banyak menjurus kepada menghadapi ancaman-ancaman luar, misalnya dari tentera Salib dan puak Tatar. Kejatuhan Baghdad akibat diserang oleh puak Tatar pada tahun 656H telah menyebabkan institusi *khilafah* 'Abbasiyah berpindah ke Mesir, yang ditadbir oleh Kerajaan Mamluk ketika itu. Kemaraan puak Tatar dilihat tidak dapat dibendung apabila mereka berjaya menawan Halab dan Dimashq pada tahun 658H. Namun demikian, kemaraan puak Tatar ini berjaya dihalang oleh tentera Mamluk dalam Perang 'Ayn Jalut pada tahun yang sama. Ibn Kathir mencatatkan secara terperinci kisah Perang 'Ayn Jalut dalam jilid ke-13, kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Perang yang berlanjutan selama tiga hari ini telah dimenangi oleh tentera Mamluk yang dipimpin oleh Sayf al-Din Qutuz dan memberi tamparan yang cukup hebat kepada puak Tatar yang cukup terkenal dengan sifatnya yang ganas dan buas.⁴⁶

Selain terpaksa menghadapi ancaman daripada puak Tatar, Kerajaan Mamluk juga berhadapan dengan ancaman berterusan dari tentera Salib, misalnya Perang Salib ketujuh yang berlaku pada tahun 647H. Tentera Salib yang diketuai oleh Raja Perancis, Louis IX telah menyerang Dimyat dan Mansurah. Tentera Mamluk yang diarahkan oleh Ratu Shajarat al-Durr ketika itu setelah kematian suaminya, al-Malik al-Salih Ayyub, telah berjaya mematahkan serangan dan menghalau keluar tentera Salib dari bumi Mesir.⁴⁷ Walaupun terdapat ancaman berterusan dari tentera Salib selepas Perang Salib ketujuh, serangan yang dilakukan berjaya dipatahkan dengan mudah oleh tentera Islam. Kekuatan Kerajaan Mamluk ketika itu berjaya membendung ancaman dari tentera Salib yang datang dari Eropah.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas jelas menunjukkan Ibn Kathir merupakan seorang cendekiawan dan sejarawan Islam yang prolifik dan berwibawa pada abad ke-8H/14M. Beliau telah meninggalkan warisan yang begitu banyak dalam bidang ilmu pengetahuan menerusi penulisan hasil karyanya. Justeru, jasa dan sumbangan Ibn Kathir perlu sentiasa dikenang menerusi pembacaan dan pengamalan warisan ilmu yang ditinggalkan beliau, khasnya oleh generasi pengkaji dan penyelidik sejarah dan tamadun Islam dewasa ini. Kesungguhan Ibn Kathir menuntut ilmu dapat dilihat ketika umurnya

⁴⁴ *Ibid.*, (1999), jil. 13, h. 85.

⁴⁵ *Ibid.*, (1999), jil. 13, h. 143-144.

⁴⁶ *Ibid.*, (1999), jil. 13, h. 258-260.

⁴⁷ *Ibid.*, (1999), jil. 13, h. 209-210.

masih muda apabila beliau berguru dengan ramai ulama terkenal, termasuk *Shaykh al-Islam* Ibn Taymiyyah. Malah, beliau lebih menyayangi dan mencintai Ibn Taymiyyah berbanding gurunya yang lain. Hal ini dapat dilihat apabila kisah hidup Ibn Taymiyyah dicatatkan dengan begitu banyak dalam kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beliau juga menjalinkan hubungan kekeluargaan dengan gurunya, Shaykh Jamal al-Din al-Mizzi apabila menikahi anak perempuan gurunya itu. Sikap dan perilakunya ini menggambarkan beliau sebagai seorang yang mencintai dan menghormati guru-gurunya. Sumbangannya yang besar dalam bidang ilmu pengetahuan dapat dilihat melalui karya-karya yang dihasilkan. Penulisannya yang banyak menggambarkan beliau seorang yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam pelbagai bidang seperti fiqh, tafsir, hadith, 'ulum hadith dan sejarah. Dalam bidang sejarah, beliau dianggap tokoh sejarawan Islam terkenal sebagaimana Ibn Athir dan al-Tabari. Penulisan sejarahnya, iaitu *al-Bidayah wa al-Nihayah* dianggap sebagai sumber sejarah Islam yang muktabar.

Selain itu, *al-Bidayah wa al-Nihayah* wajar dijadikan sumber rujukan primer (utama) bagi mereka yang berminat untuk mengkaji dan menyelidik tentang sejarah ketenteraan Islam. Metode dan gaya penulisannya yang cukup teratur dan tersusun mengikut kronologi peristiwa telah memudahkan setiap pembaca dan pengkaji untuk memahami segala fakta dan kisah yang dicatat, khasnya yang berkaitan dengan aspek peperangan. Ibn Kathir juga memasukkan ayat al-Qur'an dan Hadith Rasulullah (s.a.w.) dalam menguatkan sebarang fakta yang terkandung dalam *al-Bidayah wa al-Nihayah*, terutama fakta-fakta tentang peristiwa pada zaman Rasulullah (s.a.w.) dan Khulafa' al-Rashidin. Hal ini membuktikan Ibn Kathir cukup berhati-hati dan teliti dalam menulis sesuatu peristiwa yang berlaku.

Kesimpulannya, Ibn Kathir merupakan seorang tokoh ilmuwan Islam yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam pelbagai disiplin dan sentiasa menjadi rujukan masyarakat pada zamannya. Dari perspektif sejarah ketenteraan Islam, Ibn Kathir dianggap sebagai sejarawan Islam terkenal apabila berjaya menghasilkan karya yang secara khusus membincangkan tentang sejarah dan tamadun Islam, iaitu *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Malah, karya tersebut boleh dianggap sebagai karya agung dan primer dalam perbincangan tentang sejarah dan tamadun Islam, terutamanya sejarah ketenteraan Islam seperti mana karya-karya sejarah agung lain seperti *Tarikh al-Umam wa al-Muluk* tulisan al-Tabari dan *al-Kamil fi al-Tarikh* tulisan Ibn al-Athir. Oleh itu, *al-Bidayah wa al-Nihayah* wajar dijadikan sebagai rujukan dan bacaan utama kepada sesiapa yang berminat untuk mengkaji tentang sejarah ketenteraan Islam secara lebih tuntas.

Rujukan

al-'Asqalani, Ahmad b. 'Ali b. Hajar (1997), *al-Durar al-Kaminah*, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ensiklopedia Dunia (2005), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ensiklopedia Islam (1994), Jil. 2, Jakarta: Penerbit PT Ikhtiar Baru Van Hoeve.

Ensiklopedia Islam (2003), Jil. 2, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Ensiklopedia Islam (2005), Jil. 3, Jakarta: Perpustakaan Nasional Republik Indonesia.

Ensiklopedia Tematis Dunia Islam: Pemikiran dan Peradaban (2003), Jakarta: Ikhtiar Baru Van Hoeve.

Husain Ahmad Amin (1997), *100 Tokoh dalam Sejarah Islam*, Terj. Bakhrudin Fannani, Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn. Bhd.

al-Husayni, Abu al-Muhasin (t.th.), *Dhayl Tadhkirat al-Huffaz li al-Dhahabi*, Bayrut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Ibn al-'Imad, 'Abd al-Hayy b. Ahmad b. Muhammad (1998), *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab*, Jil. 6, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn Kathir (1999), *al-Bidayah wa al-Nihayah*, Jil. 1-7, Tahqiq, Baydun, Muhammad Ghazi, Bayrut: Maktabat al-Ma'arif.

Ibn Kathir, Isma'il (1968), *Qisas al-Anbiya'*, Jil. 1, Tahqiq, 'Abd al-Wahid, Mustafa, Bayrut: Dar al-Kutub al-Hadithah.

Ibn Kathir, Isma'il (1988), *Qisas al-Anbiya'*, Jil. 1, Tahqiq, 'Abd al-'Aziz, Muhammad Ahmad, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn Kathir, Isma'il (1997), *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Jil. 1-7, Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.

Ibn Kathir, Isma'il (2005), *Sejarah Tamadun Islam Ibn Kathir*, Jil. 1-14, Terj. Zaidah Mohd. Nor et al., Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kahhalah, 'Umar Rida (1957), *Mu'jam al-Mu'allifin*, Jil. 1, Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Kahhalah, 'Umar Rida (1985), *al-Mustadrak 'ala Mu'jam al-Mu'allifin*, Jil. 1, Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.

Kan'an, Muhammad b. Ahmad (1997), *al-Maghazi al-Nabawiyah: Khulasat Tarikh Ibn Kathir*, Bayrut: Mu'assasat al-Ma'arif.

Laoust, Henri (1955), "Ibn Katir Historien," *Arabica*, Jil. 2, 42-88.

Laoust, Henri (1979), "Ibn Kathir," dlm. *The Encyclopaedia of Islam*, Jil. 3, Leiden: E.J. Brill.

Mani' Abd. Halim Mahmud (2003), *Metodologi Tafsir: Kajian Komprehensif Metode Para Ahli Tafsir*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.

Mawsu'at al-'Arabiyyah al-Muyassarah wa al-Muwassa'ah (2001), Jil. 1, Bayrut: Mu'assasat al-Tarikh al-'Arabi.

Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari (2008), *al-Bidayah wa al-Nihayah Karya Ibn Kathir al-Dimashqi (700-774H/1301-1373M): Satu Kajian Biografi dan Anotasi*. Projek Ilmiah. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd. Zawawi Abdullah (1998), "Pendekatan Ibn Kathir dalam mentafsirkan al-Qur'an," dlm. Jawiah Dakir (pnyt.), *Kewibawaan al-Tafsir dan al-Hadith*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 27-36,

al-Mubarakfuri, Safi al-Rahman (2000), *al-Misbah al-Munir fi Tahdhib Tafsir Ibn Kathir*, Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Muhammad Said Nursi (2007), *Tokoh-tokoh Besar Islam Sepanjang Sejarah*, Terj. Khoirul Amru Haralop, Jakarta: Pustaka al-Kautsar.

Murad, Yahya (2003), *Mu'jam Tarajim A'lam al-Fuqaha'*, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Shakir, Ahmad Muhammad (t.th.), *al-Ba'ith al-Hathith Sharh Ikhtisar 'Ulum al-Hadith*, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Wan Kamal Mujani (2001), "Sejarawan Islam dari Abad ke-4 Hijrah hingga Abad ke-8 Hijrah," dlm. Ismail Bakar, Wan Kamal Mujani & Anwar Zainal Abidin (pnyt.), *Pensejarahan Islam*. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Yasir Ismail Radi (1999), *Manhaj al-Imam Ibn Kathir fi Tafsir Ayat al-Ahkam*, Disertasi Sarjana, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

al-Zirikli, Khayr al-Din (1999), *al-'Alam: Qamus Tarajim*, Jil. 1, Bayrut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.